

Dapatkan Ganjaran Sepasang Tiket genKRU Daripada Kad Kredit Yang Dimohon Melalui M2U dan MAE

Terma dan Syarat

Kempen Kad Kredit Maybank atas-talian 2025 ("Kempen") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No Syarikat: 196001000142) ("Maybank")

Dengan menyertai Kempen ini, ahli kad yang layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

Tempoh Kempen

Kempen ini berlangsung dari 20 Februari 2025 sehingga 20 Mac 2025 (termasuk kedua-dua tarikh) (selepas ini dirujuk sebagai "Tempoh Kempen")

Kelayakan

1. Tertakluk kepada Terma dan Syarat, Kempen ini terbuka untuk semua individu yang baru kepada Bank atau pelanggan Bank sedia-ada atau pelanggan Bank yang merupakan penduduk Malaysia dan belum mempunyai kad kredit yang dikeluarkan oleh Maybank dan yang telah mencapai usia 21 tahun pada masa membuat permohonan untuk mana-mana satu atau lebih Kad Kredit Maybank sebagai ahli kad utama semasa Tempoh Kempen ("Pelanggan yang Layak").
2. Untuk melayakkan diri dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak mestilah memohon Kad Kredit Maybank melalui laman sesawang Maybank2u ("M2U") www.maybank2u.com.my ("Laman Sesawang") atau melalui aplikasi telefon pintar Maybank Anytime Everyone ("MAE") ("MAE Apps") dengan memuatnaik dokumen sokongan ke dalam M2U atau MAE Apps.
3. Individu berikut TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:
 - a. Kakitangan tetap dan / atau kontrak Bank (termasuk anak syarikatnya dan syarikat berkaitan);
 - b. Mana-mana Pelanggan yang Layak yang telah membatalkan mana-mana Kad Kredit Maybanknya dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tarikh permohonan dan memohon semula Kad Kredit Maybank lain di bawah Kempen;
 - c. Pemegang semasa mana-mana Kad Kredit Maybank yang dikeluarkan di Malaysia atau di mana-mana; dan / atau
 - d. Mana-mana Pelanggan yang Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan kesalahan, penipuan, tindakan yang salah atau secara lalai dan melanggar syarat-syarat berkaitan dengan akaun mereka, sebarang kemudahan, dan/atau sebarang perkhidmatan yang diberikan oleh Maybank.

Mekanisma Kempen dan Syarat-Syarat

- a. Pelanggan yang layak perlu melakukan Transaksi Runcit tanpa jumlah perbelanjaan minimum ("Perbelanjaan Layak") dalam tempoh 15 hari pertama dari tarikh kelulusan Kad Kredit Maybank ("Tempoh Layak").
- b. Berdasarkan permohonan yang diterima, sepuluh (10) Pelanggan yang Layak yang telah memenuhi Kriteria Perbelanjaan (seperti yang dinyatakan di bawah) system rawak Maybank akan senarai 10 pelanggan terawal ("Pemohon yang Berjaya").
- c. Kemasukan Kelayakan:

Kemasukan Kelayakan	Kriteria Perbelanjaan	Tempoh Kempen
Permohonan Kad Kredit Maybank yang berjaya	• Pelanggan memohon Kad Kredit Maybank • Pelanggan yang Layak melakukan satu (1) Transaksi Runcit dalam Tempoh Layak • Transaksi Runcit tersebut mesti dibuat dalam masa Tempoh Kempen	20 Februari 2025 hingga 20 Mac 2025.

- d. Perbelanjaan Layak minima satu (1) kali Transaksi Runcit yang dibuat dalam Tempoh Kempen mesti diterima oleh sistem kad kredit yang dikendalikan oleh Bank agar layak untuk menyertai Kempen.
- e. Kriteria Perbelanjaan Layak minima satu (1) kali Transaksi Runcit dalam Tempoh Kempen tidak boleh digabungkan dengan kad lain yang digunakan pada masa yang sama.
- f. Penentuan sama ada hadiah diberikan untuk Perbelanjaan Layak hendaklah berdasarkan tarikh caj diproses oleh Bank dan didebitkan daripada akaun kad Ahli Kad ("Perbelanjaan Kad") dan bukan tarikh transaksi Perbelanjaan Kelayakan dibuat oleh Pelanggan yang Layak.
- g. Ahli Kad Tambahan adalah tidak layak untuk menerima hadiah untuk Kempen ini. Walau bagaimanapun, bagi setiap Ahli Kad Utama yang merupakan Pelanggan yang Layak, Perbelanjaan Layak yang dibuat oleh Ahli Kad Tambahan akan disatukan di bawah akaun Kad Ahli Kad Utama untuk tujuan mengumpul Perbelanjaan Layak minimum yang berkaitan.
- h. Hadiah yang boleh dimenangi dalam Kempen ini (Hadiah) adalah seperti yang disenaraikan dalam jadual dibawah:

Hadiah	Butiran Hadiah dan Terma & Syarat	Jumlah Pemohon yang Berjaya
Dua (2) tiket untuk konsert Day 3 genKRU.	Dapatkan dua (2) tiket Day 3 genKRU Konsert untuk setiap Pemohon yang Berjaya dengan melakukan minima satu (1) kali Transaksi Runcit dalam Tempoh Kempen. <u>Butiran Acara:</u> Tarikh: 10 Mei 2025 (“Tarikh Acara”) Masa : 8.30pm Tempat : Axiata Arena Bukit Jalil, Malaysia	Sepuluh (10) Pemohon yang Berjaya. (Dipilih oleh sistem pemilih rawak Maybank)
Jumlah Peruntukan		20 Tiket

Senario.

- Senario :
Pelanggan telah memohon tiga jenis kad (Visa, Mastercard dan American Express) dalam satu permohonan di Laman Web (www.maybank2u.com.my).

Ketiga-tiga kad tersebut telah diluluskan pada 10 Mac 2025 dan perbelanjaan kad berikut dibuat dalam Tempoh Kelayakan selama 15 hari (10 Mac 2025 hingga 25 Mac 2025).

<i>Skim Kad</i>	<i>Perbelanjaan Kad dalam masa 15 hari, dari 10 Mac 2025 hingga 25 Mac 2025</i>	<i>Tarikh Kad mencapai Perbelanjaan Kad Minimum Satu (1) Transaksi</i>
<i>Maybank Visa Cards</i>	<i>RM7,500</i>	<i>28 Februari 2025</i>
<i>Maybank American Express Cards</i>	<i>RM1,005</i>	<i>24 Mac 2025</i>
<i>Maybank Mastercard</i>	<i>RM8,300</i>	<i>18 Mac 2025</i>

Daripada senario di atas, kesemua 3 kad kredit memenuhi keperluan perbelanjaan runcit minima dan Mastercard adalah yang pertama memenuhi perbelanjaan runcit minimum yang diperlukan sebanyak satu (1) kali transaksi dalam Tempoh Kelayakan Kempen selama 15 hari.

Dalam senario ini, pelanggan akan layak mendapat sepasang tiket konsert Day3 genKRU jika pelanggan termasuk dalam senarai 10 pelanggan terawal dipilih melalui sistem rawak Maybank.

Nota: Senario diatas hanyalah untuk tujuan ilustrasi, pelanggan BOLEH memohon lebih daripada satu kad pada satu masa tetapi hanya layak untuk menang satu (1) Hadiah berdasarkan kad yang digunakan yang memenuhi keperluan perbelanjaan dahulu, seperti yang ditunjukkan di atas.

Penebusan Hadiah

1. Pada masa pemberian hadiah, semua akaun Maybank Pemohon yang Berjaya mestilah tidak mempunyai tunggakan, dan/atau tidak sah atau dibatalkan. Jika terdapat sebarang tunggakan atau pembatalan, Pemohon yang Berjaya tersebut akan hilang kelayakan untuk menerima hadiah.
2. Sepuluh (10) Pemohon pertama yang Berjaya akan dihubungi oleh wakil Maybank melalui panggilan telefon selewat - lewatnya pada 28 April 2025. Sekiranya mana-mana Pemenang tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan panggilan atas apa jua sebab, kelayakan mereka akan terbatal secara automatic daripada Kempen dan Maybank berhak untuk membatalkan Hadiah tersebut daripada Pemohon yang Berjaya. Manakala, Pemenang yang menerima hadiah akan menerima hadiah tersebut melalui emel 14 hari sebelum Tarikh Acara (10 Mei 2025).
3. Berdasarkan notis pemberitahuan mengikut Perenggan 2 bawah Penebusan Hadiah diatas, surat/emel pengesahan akan dihantar ke alamat surat menyurat atau emel Pemenang yang direkodkan dalam sistem Maybank dalam tempoh dua (2) minggu sebelum Tarikh Acara (10 Mei 2025).
4. Pemenang akan menerima Hadiah dalam tempoh dua (2) minggu sebelum Tarikh Acara selewat - lewatnya pada 28 April 2025.
5. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan, termasuk keputusan Maybank yang muktamad, mengikat dan konklusif. Tiada rayuan surat-menyurat selanjutnya akan dilayan.
6. Maybank berhak untuk membatalkan sebarang Kriteria Perbelanjaan yang diperoleh daripada akaun kad kredit disebabkan oleh mana-mana perkara berikut:
 - a. Di mana pembayaran telah tertunggak selama tiga puluh (30) hari atau lebih; dan/atau"
 - b. Di mana akaun tersebut digantung kerana disyaki telah beroperasi secara penipuan; dan/atau"
 - c. Sebarang akaun yang telah ditutup oleh Maybank.

Perbelanjaan Runcit

1. "Perbelanjaan Runcit " bermaksud pembelian barang atau perkhidmatan apa pun (tempatan atau antarabangsa) menggunakan Kad Kredit Maybank dan

termasuk, mengikut budi bicara Bank, sebarang transaksi kad yang ditentukan oleh Bank kecuali untuk transaksi berikut:

- a. Ansuran yang dibayar di bawah Pelan Pembayaran Flexi Bank, transaksi Pelan Pembayaran Mudah yang didaftarkan dan dimulakan sebelum Tempoh Kempen, Credit Shield Plus, Cash Treats, Ezy Cash, Balance Transfer, E-wallet dan Wang Tunai Pendahuluan.
- b. Sebarang transaksi pembelian yang dipertikaikan, dibatalkan, dikembalikan, tidak dibenarkan atau palsu;
- c. Pembayaran yuran keahlian Kad Kredit Maybank tahunan;
- d. Pembayaran Faedah/Fi pengurusan, bayaran pembayaran lewat, caj pengeluaran tunai, sebarang cukai yang dikenakan oleh undang-undang dan bentuk perkhidmatan / pelbagai bayaran lain; dan
- e. Transaksi yang dibuat oleh Pelanggan yang Layak dengan mana-mana peniaga yang berkaitan dengan atau dikendalikan oleh mereka (sama ada sebagai pekerja, majikan, pemegang saham atau pengarah). i.e. urus niaga oleh Pelanggan yang Layak dengan mana-mana syarikat atau entiti perniagaan di mana dia adalah pekerja atau majikan atau bekerja dengan atau mempunyai saham atau kepentingan dalam atau merupakan pengarah.

Terma & Syarat Umum

1. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan / atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE app, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tidak berpunca daripada Maybank
2. Maybank berhak menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terdapat di sini, dari semasa ke semasa dengan memberikan sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai makna yang sama dengan hari kalendar), notis terlebih dahulu, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Menjadi tanggungjawab Pelanggan yang Layak untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.
3. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara berkala untuk melihat terma dan syarat di sini dan mendapatkan penjelasan daripada

Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.

4. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dan bersetuju untuk membenarkan data peribadinya dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Maybank sesuai dengan Penyata Privasi Maybank, yang boleh dilihat di www.maybank2u.com.my ("Penyata Privasi Maybank") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan Individu.

Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam Pernyataan Privasi Maybank dan Borang PDPA untuk Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:

- a) Tujuan Kempen; dan
- b) Aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan / atau visual yang diterbitkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan media digital serta dalam internet. Kegiatan pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa batasan penggunaan dan / atau penerbitan perincian yang disediakan dalam dan / atau berkaitan dengan entri, bahan wawancara serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen.

**Nota: "PDPA" merujuk kepada Personal Data Protection Act (2010) (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).*

5. Maybank dan pegawai, pekhidmat, pekerja, wakil dan / atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini untuk sebarang langsung, tidak langsung, kerugian atau kerosakan khas atau akibat (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh sebarang kecuai atau peninggalan melampau oleh Maybank.
6. Maybank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan di bawah Kempen ini kerana sebarang peristiwa force majeure yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada bencana alam, kekacauan awam, tindakan Tuhan, perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Maybank yang wajar.

7. Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang merangkumi aktiviti penipuan yang melibatkan tindakan penipuan dan/atau penipuan dan/atau penipuan berkaitan dengan Kempen.
8. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan yang berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau + 603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan / atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.

TAMAT